



WORLD SOCIAL
SECURITY FORUM
KUALA LUMPUR 2025
29 SEPTEMBER – 3 OCTOBER 2025

Hosted by:



With support from:



Untuk Terbitan Media
3 Oktober 2025

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 3 Oktober 2025

STEVEN SIM GESA BEBASKAN 23 RAKYAT MALAYSIA SEGERA

KUALA LUMPUR: : Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong menggesa rejim Zionis untuk segera membebaskan aktivis dan sukarelawan kemanusiaan yang menyertai misi Global Sumud Flotilla (GSF) ke Gaza, Palestin.

Beliau sebelum ini beberapa kali lantang memperjuangkan pembebasan Palestin mendesak rejim membebaskan 23 rakyat Malaysia ditahan sejak semalam yang menyertai misi keamanan ini.

Tegasnya, dunia harus bertindak, tidak lagi boleh berdiam diri dan bersatu menentang kekejaman yang tidak berperimanasiaan sebegitu.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan ratusan delegasi dari luar negara ketika menghadiri Gala Dinner World Social Security Forum (WSSF) 2025 di Kuala Lumpur pada Khamis malam.

Dalam ucapannya, beliau membangkitkan perihal 'keselamatan' peserta GSF selain turut menggariskan kepentingan menjaga keselamatan pekerja, malah turut berkongsi amalan Malaysia kepada dunia.

"Kita bertanggungjawab melindungi pekerja, menjamin keselamatan, serta memelihara maruah setiap insan. Inilah komitmen saya sebagai seorang menteri. Namun pada malam ini, nurani saya juga tergerak untuk menyuarakan tentang mereka yang tidak selamat bukan kerana kemalangan.

"Mereka tidak selamat kerana ditahan, kebebasan mereka dirampas, maruah mereka diinjak," katanya di dalam majlis tersebut.

Turut hadir dalam majlis itu adalah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Presiden Pertubuhan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Media sebelum ini melaporkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengecam keras tindakan tentera Israel yang menahan 23 rakyat Malaysia ketika mereka menyertai misi kemanusiaan ke Gaza, Palestin.

Datuk Seri Anwar juga memaklumkan beliau telah berhubung dengan Perdana Menteri Qatar, Sheikh Mohammed Abdulrahman Al Thani serta Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan bagi

menyampaikan kebimbangan Malaysia mengenai insiden berkenaan.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa semua aktivis dan sukarelawan antarabangsa yang terlibat perlu dibebaskan dengan segera kerana flotila itu membawa bantuan penting untuk rakyat Gaza yang amat memerlukan.

Beliau menambah, Malaysia akan menggunakan segala saluran yang sah dari segi undang-undang antarabangsa bagi menuntut pertanggungjawaban Israel, lebih-lebih lagi apabila keselamatan warganegara Malaysia sendiri menjadi pertaruhan.

##TAMAT##

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
3 Oktober 2025**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

PERKESO
Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud
+6019-3265772
ridauddin.daud@perkeso.gov.my